



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER II

SESI 2011/2012

NAMA KURSUS	:	SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN
KOD KURSUS	:	BPA 20703
PROGRAM	:	2 BPA
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN 2012
JANGKA MASA	:	2 JAM 30 MINIT
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **ENAM (6)** MUKA SURAT

S1 Mydin Marketing (M) Sdn. Bhd. merancang untuk mewujudkan sebuah gudang data di mana pengurusan boleh mendapatkan pandangan keseluruhan korporat tentang maklumat jualan untuk mengenal pasti produk yang paling laris di kawasan-kawasan geografi tertentu. Mydin memperuntukkan sebanyak RM300,000 untuk membangunkan sistem pangkalan data jualan yang baru ini. Jualan dan maklumat produk disimpan dan disusun menggunakan satu sistem hubungan yang dipanggil DBMS.

- (a) Jelaskan maksud gudang data. (3 markah)
- (b) Terangkan bagaimana gudang data berfungsi. (5 markah)
- (c) Terangkan jenis hubungan dalam pangkalan data berserta contoh. (12 markah)

Q1 *Mydin Marketing (M) Sdn. Bhd. plans to create a data warehouse where management can obtain a single corporate-wide view of sales information to identify best-selling products in specific geographic areas. Mydin allocates as much as RM300,000 for developing this new database sales system. The sales and product information are stored and arranged using one relational system called DBMS.*

- (a) *Define data warehouse.* (3 marks)
- (b) *Explain how the data warehouse system functions.* (5 marks)
- (c) *Explain the types of relationships which are possible in a relational database with example.* (12 marks)

S2 Anda telah dilantik sebagai perunding keselamatan oleh EconSave (M) Sdn. Bhd., satu rangkaian kebangsaan pusat membeli-belah runcit, untuk memastikan bahawa keselamatan sistem maklumat mereka beroperasi secara normal. Syarikat ini juga sanggup membelanjakan wang yang banyak untuk memastikan sistem mereka mempunyai sekuriti data yang tinggi bagi mengelakkan serangan penggadam.

(a) Bincangkan langkah-langkah yang akan anda ambil untuk mencapai matlamat ini.

(10 markah)

(b) Huraikan **LIMA (5)** jenis *Malicious Software* yang sering mengganggu keselamatan sistem maklumat.

(10 markah)

Q2 *You have just been hired as a security consultant by EconSave (M) Sdn. Bhd., a national chain of retail malls, to make sure that the security of their information systems is operating in normal manner. This company is also willing to spend a large amount of money to ensure its data security could avoid hackers' attack.*

(a) *Discuss the steps you will take to achieve this goal.*

(10 marks)

(b) *Describe **FIVE (5)** types of Malicious Software that often interfere with the information system security.*

(10 marks)

S3 E-Dagang telah dapat dibangunkan dengan kewujudan Internet dan perkakasan aplikasi yang menyokongnya sejak tahun 1990an. Teknologi ini semuanya telah mengubah dengan signifikan tentang cara kita hidup dan kaedah kita melaksanakan perniagaan. Hasil pendapatan melalui peruncitan E-Dagang meningkat sebanyak 12% setiap tahun. Tambahan pula, pelanggan dan pengguna kini sama-sama mampu untuk melakukan transaksi perniagaan semasa mereka bergerak seperti memandu dan berjalan disebabkan aplikasi M-Dagang. Justeru itu, aplikasi M-Dagang telah mendapat sambutan yang hangat terutamanya yang berkaitan transaksi komersial dan tujuan santai.

(a) Lakarkan berserta penerangan **EMPAT (4)** jenis aplikasi khas untuk M-Dagang.
(12 markah)

(b) Terangkan satu cara bagaimana E-Dagang dan Internet telah mengubah perhubungan di antara syarikat dan pelanggan mereka.
(8 markah)

Q3 *E-commerce has been made possible with advent of the Internet and its enabling application tools since 1990s. These technologies have significantly changed the way we live and do our business. Retail e-commerce revenue grows at 12% annually. Nowadays, customers and users alike are able to do business transactions while in the move such driving and walking. Mobile commerce applications have been in strong demand especially when it relates to commercial transactions and leisure purposes.*

(a) *Illustrate together with explanation **FOUR (4)** types of applications that are especially well-suited for m-commerce.*
(12 marks)

(b) *Explain a way how E-Commerce and the Internet have changed the relationship between companies and their customers.*
(8 marks)

S4 Pengurusan pengetahuan kini menjadi satu tema penting di kebanyakan syarikat perniagaan yang besar. Pada masa ini, para pengurus menyedari sebahagian besar nilai sebuah syarikat adalah bergantung pada kemampuan untuk mencipta dan mengurus pengetahuan. Kesannya ialah sistem pengurusan pengetahuan yang berasaskan Microsoft SharePoint Server and Lotus Notes Domino telah diaplikasikan oleh beberapa syarikat multinasional, seperti Canadian Tire Inc. dengan portal dinamik TIRENet-nya. Syarikat Boeing Inc. mengaplikasikan sistem kerja berasaskan pengetahuan (KWS) dalam realiti maya yang berkebolehan untuk meningkatkan prestasi kerja dalam syarikat.

- (a) Jelaskan **DUA (2)** jenis utama sistem pengurusan pengetahuan. (5 markah)
- (b) Sediakan satu kaedah bagi mengumpulkan pengetahuan peribadi dan kepakaran yang tidak didokumentasikan yang dimiliki oleh professional dalam sebuah firma. (5 markah)
- (c) Terangkan konsep realiti maya, terutamanya berkenaan Virtual Reality Modeling (VRM), dan aplikasinya dalam bidang penerbangan seperti AirAsia yang banyak menggunakan pesawat jenis Boeing. (10 markah)

Q4 *Knowledge management has become an important theme at many large business firms. Nowadays, managers realize that much of their firm's value depends on the firm's ability to create and manage knowledge. As a result, knowledge management systems that based on Microsoft SharePoint Server and Lotus Notes Domino have been applied by many multinational corporations, such as Canadian Tire Inc. with its dynamic portal TIRENet. Boeing Inc. has applied Knowledge Work System (KWS) in virtual reality that is capable to enhance work performance in the company.*

- (a) Explain **TWO (2)** major types of knowledge management systems. (5 marks)
- (b) Outline a method to gather knowledge from the personal and undocumented expertise which is owned by professionals within a firm. (5 marks)
- (c) Describe the concept of virtual reality, especially with regard to Virtual Reality Modeling (VRM), and its applications in airline sector such as AirAsia which engages many Boeing airplanes. (10 marks)

S5 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, sebuah universiti awam bersaiz sederhana, mempunyai pelbagai sistem komputer untuk beroperasi secara cekap seperti Total Campus Integrated System (TCIS), Student Academic Information System (SMAP Online) dan Executive Information System (EIS). Kesemua sistem ini adalah berasaskan MIS dan DSS. Pusat Teknologi Maklumat memerlukan 12 buah komputer pelayan untuk memastikan ia boleh memberi perkhidmatan cemerlang kepada pengguna. Sekalipun begitu, sebilangan pelajar memberi maklum balas bahawa capaian Internet di hostel adalah tidak memuaskan.

(a) Huraikan perbezaan antara MIS dan DSS.

(10 markah)

(b) Aplikasi *Simon's Decision Making Process* untuk membuat keputusan samada Pusat Teknologi Maklumat harus membeli sebuah komputer pelayan baru yang berkuasa lebih tinggi.

(10 markah)

Q5 *Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, a medium type public university, has extensively implemented many computer systems to operate efficiently such as Total Campus Integrated System (TCIS), Student Academic Information System (SMAP Online) and Executive Information System (EIS). These systems are of MIS and DSS types. The IT Center requires 12 servers to ensure it can provide excellent service to users. However, some students give feedbacks that the Internet access at hostel is unsatisfactory.*

(a) *Describe the difference between MIS and DSS.*

(10 marks)

(b) *Apply Simon's Decision Making Process to make decision whether UTHM Computer Center should buy a new and more powerful server.*

(10 marks)

KERTAS SOALAN TAMAT

END OF QUESTION PAPER